

## **Pemohon baru PTPTN wajib buka akaun LHDN**

KUALA TERENGGANU 17 Okt. – Mulai tahun depan, peminjam baru Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) perlu membuka akaun Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) terlebih dahulu sebagai syarat utama untuk memohon pinjaman pelajaran daripada perbadanan itu.

Pengerusi PTPTN, Datuk Razali Ismail berkata, langkah tersebut bertujuan memudahkan skim pembayaran balik pinjaman menerusi pemotongan gaji LHDN yang akan dilaksanakan menjelang tahun 2010.

"Walaupun mereka masih belum bekerja namun PTPTN akan mensyaratkan pemohon baru supaya membuka akaun di LHDN untuk mendapatkan pinjaman dan apabila ada nombor fail LHDN, barulah kita berikan pinjaman.

"Kaedah ini akan memudahkan skim pembayaran balik pinjaman PTPTN kerana semua peminjam tidak lagi boleh melarikan diri kerana rekod mereka telah pun ada di LHDN.

"Ini akan memudahkan jabatan itu membuat potongan gaji," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aildilfitri anjurannya yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail I di sini hari ini.

Razali yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berkata, pihaknya kini dalam peringkat akhir mengadakan perbincangan teknikal dengan LHDN untuk mencari mekanisme terbaik untuk melaksanakan cadangan tersebut.

"Ini termasuk mengkaji jumlah gaji yang sesuai sebelum PTPTN mula membuat potongan bagi membolehkan para peminjam PTPTN membuat pembayaran balik," ujarnya.